

01 MAY 1999

Mahathir-Korporat

DR MAHATHIR TOLAK DAKWAAN KERAJAAN LEBIH MENOLONG KORPORAT

JITRA, 1 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menolak dakwaan kononnya kerajaan lebih menolong orang korporat daripada orang miskin.

Perdana Menteri berkata kerajaan menolong orang korporat bukan kerana mereka kaya tetapi kerana ramai orang miskin bergantung peluang perniagaan kecil dan pekerjaan dengan golongan itu.

"Tidak benar sama sekali kerajaan menolong orang korporat dan tidak menolong orang miskin," katanya ketika menggulung perbahasan semasa mesyuarat perwakilan Umno bahagian Kubang Pasu, di Dewan Jitra di sini.

Dr Mahathir yang juga Ketua Umno bahagian itu berkata orang korporat pula akan mengeluarkan cukai, membayar zakat, menderma dan ada juga yang membina masjid.

"Kerajaan mengutip cukai sebanyak dua kupang lapan duit (28 sen) dari setiap RM1 yang orang kaya dapat. Jadi kerajaan ambil dari orang kaya dan agihkan kepada orang miskin," katanya.

Dr Mahathir berkata, pada masa yang sama, kerajaan menolong orang miskin, sebagai contohnya dengan menyediakan biasiswa, sekolah dan klinik.

"Kerajaan berbelanja ribuan juta ringgit untuk pembangunan luar bandar dan membuat rumah dan membaiki rumah bagi orang termiskin," katanya.

Perdana Menteri berkata kerajaan menolong orang yang sudah kaya agar tidak menjadi bankrap kerana ini boleh memberi kesan kepada ekonomi negara.

"Sanggupkah kita melihat orang Melayu bankrap?... orang Melayu tidak menjadi jutawan tetapi hanya pekerja sahaja dan menjadi masyarakat kelas kedua di negara sendiri?"

"Mengapa perlu iri hati apabila orang lain kaya. Orang kaya bayar banyak cukai," katanya.

Dr Mahathir juga meminta rakyat supaya jangan terperangkap dengan dakwah PAS yang mahukan orang Melayu membenci kepada orang Melayu yang "naik".

"Saya tidak iri hati. Gaji saya tidak sampai satu perempat daripada gaji pegawai Petronas. Gaji pegawai Petronas jauh lebih tinggi daripada gaji Perdana Menteri," katanya.

Malahan, kata Dr Mahathir, beliau berbangga apabila orang Melayu menjalankan perniagaan yang besar seperti memiliki syarikat penerbangan dan telefon.

"Apabila mereka kaya, mereka tidak lupa bersedekah. Beribu-ribu orang bergantung kerja kepada mereka. Mereka bayar cukai yang banyak, zakat dan ada yang membina muzium Islam berharga RM70 juta," kata beliau.

Mengenai kejatuhan harga getah, beliau berkata kerajaan akan memberi perhatian kepada perkara itu.

Dr Mahathir juga meminta para anggota Umno peringkat cawangan dan bahagian supaya terus menjelaskan isu-isu semasa kepada orang ramai.

"Jangan ingat Umno parti kerajaan jadi kita tidak payah berhujah lagi. Jangan lupa mereka boleh mengundi," katanya.

Pada akhir mesyuarat itu, Dr Mahathir menyerahkan kutipan derma dari para perwakilan berjumlah RM3,001.80 untuk Tabung Barisan Bertindak Kosovo kepada wakil TV3 selaku penganjur Tabung itu.

-- BERNAMA

JM FAZ